

Cenderawasih

muncul kumpulan dikir barat terbaik



Jazlan dan Prof Junaidi bersama kumpulan dikir barat Cenderawasih UPSI.

Oleh Ihsan Noorzali
bhvarsiti@bh.com.my
▶ Tanjung Malim

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menguasai gelanggang Pertandingan Dikir Barat Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2015 apabila muncul juara keseluruhan dan memenangi tiga kategori pertandingan. Kejayaan itu melayakkan Persatuan Dikir Barat UPSI, Cenderawasih merangkul Piala Dato' Sri Mustapa Mohamed dan wang tunai RM3,000 hasil persembahan mantap serta bergaya sekali

gus memikat panel juri. UPSI turut memenangi Kategori Awak-awak Terbaik dengan hadiah wang tunai RM200, kategori Persembahan Terbaik (RM200) serta kategori Tok Jogho Terbaik menerusi Mohd Ridhwan Zahari (RM100).

Tukang karut
Naib johan dan ketiga, masing-masing disandang kumpulan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Kategori Pakaian Terbaik pula dimenangi kumpulan Universiti Malaysia Pahang (UMP) manakala USIM menerusi Mokhtarudin Ismail pula memenangi kategori Tukang Karut Terbaik.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Ahli Parlimen Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub. Yang turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Prof Madya Datuk Dr Junaidi Abu Bakar, Presiden Persatuan Himpunan Anak Kelantan Kebangsaan (HIMSAK), Datuk Mohd Faizal Daud serta Pengerua Kolej Ungku Omar, Dr Bazrul Bahaman.

Warisan seni
Pertandingan anjuran bersama HIMSAK, Majlis Mahasiswa Kolej Ungku Omar (MMKUO) dan Majlis Perwakilan Pelajar itu turut disertai Universiti Sultan Zainal Abidin,

Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Kolej Pertanian Kedah.

Prof Junaidi dalam ucapannya berkata, pertandingan bertujuan memartabatkan kesenian warisan Melayu dalam kalangan mahasiswa selain memperlihatkan kehebatan seni dikir barat di Malaysia yang sebelum ini banyak ditonton menerusi kaca televisyen.

"Selain mengeratkan ukhuwah antara peserta daripada pelbagai IPT, pertandingan turut menggalakkan minat pelajar terhadap aktiviti kebudayaan bagi mencungkil bakat baharu yang boleh diketengahkan pada peringkat antarabangsa," katanya.



Jazlan (tengah) menyampaikan cek replika kepada Mohd Ridhwan yang memenangi kategori Tok Jogho Terbaik sambil disaksikan Prof Junaidi (dua dari kiri).